

**PANDUAN PERMOHONAN BAGI PERAKUAN AMALAN TAHUNAN
DI BAWAH AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011**

1. Permohonan perakuan amalan tahunan hendaklah dibuat dengan menggunakan **BORANG D - PERMOHONAN BAGI PERAKUAN AMALAN TAHUNAN** dan disertakan dengan dokumen berikut :
 - a) Senarai Semak Permohonan Perakuan Amalan Tahunan (MJMM/02- 006)
 - b) 1 salinan perakuan pendaftaran juruanalisis makanan
 - c) Bayaran fi pendaftaran sebanyak RM100.00 (hendaklah dibuat kepada **KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA** dengan menggunakan samada kiriman wang / bank draf)

Nota: Senarai Semak Permohonan Perakuan Amalan Tahunan (MJMM/02-006) boleh didapati di laman web FARIS

2. Permohonan perakuan amalan tahunan **TIDAK BOLEH** dibuat oleh juruanalisis makanan berdaftar berikut :
 - a) Mempunyai kurang 2 tahun pengalaman dalam bidang analisis makanan bagi pemegang ijazah sains makanan/teknologi makanan/ sains dan teknologi makanan atau 4 tahun pengalaman bagi ijazah sains lain yang berkaitan; dan
 - b) Tidak lagi bekerja di bawah penyeliaan ahli kimia berdaftar atau juruanalisis makanan berdaftar.

Juruanalisis makanan berdaftar yang terlibat hanya **BOLEH** memohon sekiranya bekerja di bawah penyeliaan atau tempoh pengalaman telah mencukupi.

3. Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Pendaftar

Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4, Menara Prisma
Presint 3
62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

4. Sekiranya juruanalisis makanan berdaftar bertukar tempat amalan, permohonan pertukaran tempat amalan hendaklah dibuat menggunakan **BORANG L - PERMOHONAN PERTUKARAN TEMPAT MENJALANKAN AMALAN JURUANALISIS MAKANAN** dalam tempoh 3 bulan setelah berada di tempat amalan yang baru.
5. Juruanalisis Makanan Berdaftar yang sedang memohon pertukaran tempat amalan **TIDAK** dibenarkan menandatangani laporan keputusan analisis di tempat baru selagi tidak menerima perakuan amalan tahunan yang baru.
6. Bagi juruanalisis makanan berdaftar yang telah diluluskan penambahan bidang analisis hendaklah mendapatkan Perakuan Amalan Tahunan bagi tambahan bidang analisis dengan mengisi **BORANG J : TAMBAHAN BIDANG ANALISIS MAKANAN BAGI PERAKUAN AMALAN TAHUNAN** setelah menerima Perakuan Tambahan Bidang Analisis Makanan bagi Juruanalisis Makanan Berdaftar.
7. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Cik Irma binti Mohamad Samsi di talian 03-88850797 sambungan 4229/ emel irma@moh.gov.my atau Pn. Hadidawati bt. Mahadi di talian 03-88850797 sambungan 4237 /emel hadidawati@moh.gov.my .